

penyata pengerusi



Saya bagi pihak Lembaga Pengarah, dengan sukacitanya membentangkan kepada para pemegang saham laporan tahunan dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009.



penyata **pengerusi**

Tinjauan Umum

Pertumbuhan Ekonomi Malaysia sebanyak 4.6% pada tahun 2008 didorong terutamanya oleh pengembangan permintaan dalam negeri yang kukuh pada kadar 6.9% pada tahun ini. Pertumbuhan ini dicapai dalam keadaan krisis kewangan antarabangsa dan kegawatan persekitaran ekonomi global yang meruncing. Sungguhpun permintaan luaran kukuh sepanjang setengah tahun pertama 2008, namun kegawatan keadaan ekonomi global yang meruncing serta usaha menstabilkan harga komoditi secara besar-besaran pada setengah tahun pertama telah menyebabkan penurunan prestasi eksport Malaysia pada penghujung setengah tahun kedua 2008. Peningkatan paras tertinggi kadar inflasi tahunan, seperti yang ditaksir oleh Indeks Harga Pengguna (CPI), daripada 2% pada tahun 2007 kepada 5.4% pada tahun 2008 adalah

disebabkan terutamanya oleh lonjakan mendadak harga makanan dan bahan api global.

Sepanjang tahun 2008, perniagaan insurans dan takaful telah mencatat gabungan pertumbuhan sebanyak 5.5% kepada RM11.5 bilion dalam premium/caruman kasar yang mana sebahagian besarnya didorong oleh pengembangan segmen kebakaran. Walau bagaimanapun, keuntungan operasi bagi sektor-sektor tersebut telah merosot pada kadar 44.5% kepada RM0.7 bilion, kesan daripada pendapatan pelaburan yang lebih rendah dan tanggungan tuntutan bersih yang lebih tinggi. Ini sebahagian besarnya timbul daripada tuntutan kenderaan bermotor yang mencatat nisbah tuntutan yang lebih tinggi sebanyak 84.2% (2007: 79.6%) manakala jumlah nisbah tuntutan kekal tinggi sebanyak 64.9% (2007: 66.3%).

Walaupun bagaimanapun, kedua-dua sektor mencatat kedudukan solvensi yang lebih kukuh sebanyak RM16.6 bilion berbanding RM11.7 bilion pada tahun 2007, dan pada masa yang sama mencatat Nisbah Kecukupan Modal (CAR) purata sebanyak 187.6%. Paras CAR berada jauh di atas paras keperluan minimum Bank Negara Malaysia (BNM) iaitu sebanyak 130% seperti yang ditetapkan di bawah Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko BNM yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2009.

Kini, terdapat 26 syarikat insurans am dan 8 pengendali takaful berdaftar di Malaysia. Bagi perniagaan insurans semula am, bilangan syarikat insurans semula kekal sebanyak 5, manakala bagi perniagaan takaful semula, terdapat dua buah syarikat pengendali takaful semula serba lengkap dan sebuah operasi cawangan.



..... Kumpulan telah mencatat hasil berjumlah RM1.2 bilion, berbanding RM978.6 juta pada tahun sebelumnya.

penyata **pengerusi**

Tinjauan Prestasi Kumpulan

Bagi tahun yang ditinjau, Kumpulan telah mencatat hasil berjumlah RM1.2 bilion, berbanding RM978.6 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan hasil sebanyak 20% tersebut disebabkan terutamanya oleh pertambahan premium kasar yang dicatat oleh subsidiari insurans semula dan peningkatan dalam yuran wakalah yang diperoleh oleh subsidiari takaful dan takaful semula.

Walau bagaimanapun, Kumpulan mencatat keuntungan sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak RM40.5 juta berbanding RM194.0 juta pada tahun lepas. Keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi dicatat pada tahun lepas disumbangkan terutamanya oleh keuntungan daripada penjualan kepentingan ekuiti langsung sebanyak 3.24% dalam Malaysian Oxygen Berhad. Jumlah keuntungan bersih yang disumbangkan oleh penjualan kepentingan tersebut adalah sebanyak RM75.4 juta. Keuntungan sebelum cukai yang lebih rendah pada tahun ini juga disebabkan oleh iklim kewangan yang tidak memberangsangkan, khususnya pada penghujung tahun kewangan yang menyebabkan catatan pendapatan pelaburan lebih rendah. Di samping itu, segmen insurans semula Kumpulan mengalami peruntukan kerugian yang amat besar, dengan nisbah kerugian yang semakin tinggi iaitu daripada 60.7% kepada 64.2% pada tahun ini.

Berasaskan keadaan tersebut, Kumpulan MNRB mencatat Keuntungan Selepas Cukai (PAT) dan Perolehan Sesaham (EPS) yang lebih rendah iaitu masing-masing sebanyak RM26.3 juta dan 12.3 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, berbanding masing-masing sebanyak RM170.4 juta dan 80.3 juta sesaham pada tahun sebelumnya.

Malaysian Reinsurance Berhad (Malaysian Re)


Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, Malaysian Re mencatat peningkatan sebanyak 20% dalam premium kasar daripada RM784.3 juta pada tahun lepas kepada RM941.0 juta pada tahun ini. Pencapaian ini disumbangkan terutamanya oleh peningkatan kemasukan perniagaan luar negara yang mana kini meliputi 23% daripada jumlah premium kasar berbanding 18% pada tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, nisbah kerugian yang ditanggung bertambah daripada 60.7% kepada 64.2% pada tahun ini. Pertambahan ini disebabkan terutamanya oleh tuntutan merugikan yang ditanggung, dengan peruntukan kerugian yang begitu besar. Contoh peristiwa kerugian besar ini adalah seperti ribut salji yang kuat, banjir dan gempa bumi di China, kerosakan kebakaran di Dubai dan banjir di Jakarta. Pada masa yang sama, pendapatan pelaburan telah berkurangan daripada RM71.4 juta kepada RM66.6 juta pada tahun ini dalam suasana persekitaran pelaburan yang merudum.

Kesan daripada itu, keuntungan sebelum cukai Malaysian Re bagi tahun ini adalah lebih rendah sebanyak RM55.3 juta berbanding RM110.3 juta yang dicatat pada tahun sebelumnya, manakala keuntungan selepas cukai pula adalah sebanyak RM40.9 juta berbanding RM85.1 juta yang dilaporkan pada tahun lepas.

Pada 29 April 2009, MNRB meningkatkan pelaburannya dalam Malaysian Re sebanyak RM20.0 juta, yang dipenuhi melalui penerbitan 20.0 juta saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam Malaysian Re pada

harga terbitan RM1.00 sesaham. Dengan langganan saham tersebut, modal diterbit dan berbayar Malaysian Re meningkat daripada RM480.0 juta kepada RM500.0 juta yang terdiri daripada 500,000,002 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.




Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (Takaful IKHLAS)

Pendapatan caruman kasar Takaful IKHLAS menunjukkan peningkatan yang besar daripada RM428.1 juta kepada rekod tertinggi sebanyak RM580.5 juta, melebihi sasaran awalnya sebanyak RM520 juta. Ini adalah satu pencapaian yang sungguh membanggakan, memandangkan Takaful IKHLAS hanya memulakan

penyata **pengerusi**

operasinya pada tahun 2003 dengan pendapatan caruman kasar awal sebanyak RM6.5 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004. Pada 31 Mac 2009, portfolio Takaful IKHLAS berdasar kepada caruman kasar adalah sebanyak kira-kira 76:24 masing-masing antara Takaful Keluarga dan Takaful Am.



Takaful IKHLAS mencatat peningkatan sebanyak 34.7% dalam keuntungan sebelum cukai dan zakat kepada RM13.7 juta, daripada RM10.2 juta pada tahun lepas. Walau bagaimanapun, keuntungan selepas cukai dan zakat berkurangan kepada RM8.7 juta daripada RM11.4 juta yang dicatat pada tahun sebelumnya disebabkan oleh caj cukai yang lebih tinggi bagi tahun ini kerana peruntukan kerugian yang dibawa ke hadapan telah digunakan sepenuhnya pada tahun lepas.

Pada 31 Mac 2009, Takaful IKHLAS telah mengeluarkan sejumlah kira-kira 2 juta polisi dan mempunyai 7,892 orang ejen bagi Takaful Keluarga dan Am. Hingga kini, Takaful IKHLAS telah memperkenalkan lebih daripada 91 produk dalam portfolionya dengan rangkaian Pelan Takaful Keluarga, Kelompok dan Am yang lengkap serta rider bagi perniagaan individu dan perniagaan.

MNRB Retakaful Berhad (MRT)

Sebagai syarikat takaful semula pertama negara, MRT telah berkembang pesat pada tahun kewangan yang ditinjau. Walaupun hanya memulakan perniagaan pada 1 Ogos 2007, namun MRT telah mencapai caruman kasar yang memuaskan sebanyak RM23.2 juta berbanding RM10.5 juta yang dicatat dalam tempoh 8 bulan sebelumnya. Pada tahun kewangan yang ditinjau, MRT telah mencatat keuntungan bersih sebanyak RM789,000 berbanding RM1.9 juta dicatat pada tempoh sebelumnya. Pada peringkat permulaan operasinya ini, MRT telah membuat pelaburan besar untuk promosi, penjenamaan dan pembangunan kakitangan yang penting untuk membantu membina asas yang kukuh bagi Syarikat dan meletakkannya di landasan yang sesuai bagi mencapai matlamat untuk muncul sebagai penyedia takaful semula terkemuka.

Malaysian Re (Dubai) Ltd. (MRDL)

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, MRDL mencatat premium kasar sebanyak RM38.7 juta yang diunderait bagi pihak Malaysian Re, berbanding RM24.0 juta yang dicatat pada tahun lepas. Ini mewakili peningkatan memberangsangkan sebanyak 60% berbanding tahun sebelumnya dan menunjukkan kejayaan usaha yang berterusan untuk memanfaatkan peluang yang tersedia di wilayah Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA).

Pada 31 Mac 2009, modal berbayar MRDL adalah sebanyak USD2.0 juta berikutan suntikan modal tambahan oleh MNRB sebanyak USD1.74 juta.

Laporan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Pada 30 Mei 2008, Kumpulan MNRB telah mengumumkan 2 sasaran yang perlu dicapai sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Tertinggi bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009:

- i) Pulangan Ekuiti (ROE) sebanyak 12.4%; dan
- ii) Pertumbuhan Hasil sebanyak 12.1%

penyata **pengerusi**



Laporan pencapaian Pasara Tertinggi KPI di atas adalah seperti berikut:

i) ROE

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, Kumpulan mencatat ROE yang lebih rendah iaitu sebanyak 2.9% berbanding sasaran 12.4%. Pencapaian yang kurang daripada sasaran tersebut disebabkan oleh penurunan sumbangan underait daripada operasi insurans semula akibat tuntutan ditanggung yang lebih tinggi, serta pendapatan pelaburan yang lebih rendah.

ii) Pertumbuhan Hasil

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, Kumpulan mencatat pertumbuhan hasil sebanyak 20% berbanding sasaran 12.1%. Jumlah hasil yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh peningkatan premium kasar yang diunderait oleh anak syarikat insurans semula dan peningkatan yuran wakalah yang diperolehi oleh pengendali takaful dan takaful semula.

Dengan KPI baru yang ditetapkan bagi tahun 2010, kita berazam untuk mencapai keputusan positif dalam usaha kita untuk melonjakkan Kumpulan ke hadapan.

Kemajuan & Pencapaian

Kumpulan mencapai beberapa kejayaan strategik sejak tarikh laporan yang lepas. Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa Malaysian Re telah diiktiraf dengan Penarafan Kekukuhan Kewangan (FSR) "A-" (Cemerlang) dan Penarafan Kredit Pengeluar (ICR) "a-" oleh A.M. Best pada 20 November 2008. Pada 9 Jun 2009, Malaysian Re juga telah diberi Penarafan Kekukuhan Kewangan Pengeluar Insurans "A-" oleh Fitch Ratings. Unjuran bagi kedua-dua penarafan tersebut kekal stabil.

Subsidiari takaful semula, MRT telah diiktiraf dengan Penarafan Kekukuhan Kewangan Pengeluar Insurans "BBB+" dengan unjuran stabil daripada Fitch Ratings pada 29 Julai 2008.


Penarafan sekuriti dan unjuran stabil yang diberikan oleh agensi-agensi penarafan antarabangsa terkemuka ini adalah bukti keteguhan kewangan anak-anak syarikat kita. Ia turut membolehkan kedua-dua syarikat meluaskan lagi portfolio perniagaan luar negara ke wilayah-wilayah yang mengenakan penarafan sekuriti minimum sebagai syarat untuk menjalankan perniagaan.

Di samping itu, saya dengan penuh bangga ingin melaporkan bahawa pada tahun kewangan yang ditinjau, anak syarikat takaful kita, Takaful IKHLAS, telah memenangi anugerah BrandLaureate-SMEs Chapter Award 2008 bagi "Jenama Terbaik dalam Pejenamaan Produk, Pengguna – Insurans Rawatan Kesihatan". Sesungguhnya ini merupakan satu pengiktirafan yang membanggakan terhadap komitmen kita dalam menyediakan produk dan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan kita.

Dividen

Sepanjang 35 tahun ini, MNRB sentiasa mencatat pembayaran dividen tahunan yang cemerlang dan ini telah meletakkan Syarikat sebagai salah sebuah kaunter pembayaran dividen terbaik di Bursa Malaysia Securities Berhad. MNRB telah berjaya untuk sentiasa mengganjari para pemegang sahamnya dengan pulangan ke atas ekuiti yang begitu tinggi dan justeru, kadar pembayaran dividen yang juga tinggi. Pada 30 Mei 2008, Syarikat telah mengisytiharkan satu Dasar Dividen yang akan membayar kepada para

penyata **pengerusi**



pemegang saham dividen tahunan kasar yang konsisten antara 40% hingga 75% daripada keuntungan bersihnya bagi tahun kewangan berkenaan, tertakluk kepada pelbagai faktor. Faktor-faktor tersebut meliputi ketersediaan rizab tunai, mengekalkan tahap penggearan yang boleh diterima, pulangan ke atas ekuiti dan pendapatan tersimpan, serta keperluan-keperluan lain bagi mengekalkan tunai untuk pengembangan dan/atau pelaburan pada masa hadapan.

Bagi tahun yang ditinjau, pada 24 Disember 2008, MNRB telah membayar dividen interim sebanyak 10%, tolak cukai sebanyak 25% yang

mewakili 81.1% daripada keuntungan bersih Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009. Memandangkan keadaan tersebut, Lembaga tidak mengesyorkan pembayaran sebarang dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009.

Prospek

Sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan BNM 2008, ekonomi dunia dijangka tidak akan mencatat sebarang pertumbuhan pada tahun 2009, (2008: 3.4%) kerana kemelesetan yang melanda negara-negara maju dijangka akan menjadi bertambah buruk. Sebagai sebuah ekonomi yang terbuka, Malaysia sudah pun menerima tempias kegawatan suasana ekonomi global dan dijangka akan mengalami sepenuhnya kesan kemelesetan global pada tahun 2009.

Sektor insurans dan takaful domestik juga akan terjejas oleh permintaan potensi yang lebih rendah terhadap produk-produk perlindungan dan yang berkaitan dalam industri yang begitu persaingan. Secara khususnya, jualan kenderaan dijangka akan merudum memberi kesan negatif kepada perniagaan insurans dan takaful kenderaan bermotor yang merangkumi sebanyak 45% daripada premium insurans kasar pada tahun 2008. Di samping itu, keadaan ekonomi semasa yang buruk juga secara tidak langsung akan membawa risiko tuntutan bahaya daripada segi moral.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah dasar bagi mengurangkan kesan kemelesetan global terhadap ekonomi negara. Dua pakej rangsangan ekonomi telah diumumkan, pertama pada 4 November 2008 berjumlah RM7 bilion, manakala pakej rangsangan yang kedua berjumlah RM60 bilion diumumkan pada awal tahun 2009. Kita yakin bahawa keberkesanan langkah-langkah dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan berserta dengan kepimpinan Kerajaan di bawah Perdana Menteri baru kita akan dapat membantu negara mengurangkan kesan kelembapan global tersebut.

Melangkah ke hadapan, MNRB kekal yakin terhadap prospeknya dan kita percaya bahawa banyak peluang perniagaan yang akan terbuka kepada Kumpulan pada tahun-tahun yang mendatang dan kita bercadang untuk meraih sepenuhnya peluang-peluang tersebut. Kesenambungan pengamalan strategi pengurusan modal yang berhemah juga adalah amat penting agar kita mempunyai keanjalan untuk kekal cergas dalam persekitaran operasi yang mencabar dan bagi membolehkan kita memanfaatkan sebarang peluang yang bakal menjelma.

penyata **pengerusi**

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

MNRB percaya terhadap pengimbangan dan penyepaduan prestasi ekonomi dengan tanggungjawab sosial bagi memenuhi keperluan para pemegang kepentingannya. Sehubungan itu, MNRB bersama-sama dengan anak-anak syarikatnya telah menjalankan pelbagai inisiatif CSR sepanjang tahun kewangan ini yang meliputi penganugerahan biasiswa, mempertingkatkan kemahiran profesional melalui latihan pemasaran, kempen persekitaran yang dijalankan sendiri dan penajaan acara-acara industri.

Bagi tahun kewangan yang ditinjau, kita telah menyumbang sejumlah RM700,000 kepada Tabung Biasiswa MNRB sebagai komitmen berterusan kita terhadap pembangunan modal insan dan pada masa yang sama untuk menyokong para pelajar yang layak melanjutkan pendidikan mereka dalam bidang berkaitan insurans dan takaful. Tabung Biasiswa MNRB telah ditubuhkan pada tahun 1998 dan hingga kini, jumlah sumbangan MNRB kepada tabung ini adalah sebanyak RM3.2 juta.

Ucapan Alu-Aluan

Dengan sukacitanya kami mengalu-alukan penyertaan Dr. Syed Musa Syed Jaafar Alhabshi ke dalam Kumpulan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif MRT berkuatkuasa 23 Julai

2008. Kita yakin, dengan pengalaman luas dalam bidang Kewangan Islam, Dr. Syed Musa bakal memberi sumbangan positif kepada pertumbuhan masa depan MRT dan Kumpulan.

Penghargaan

Saya, bagi pihak Lembaga Pengarah, ingin menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan kongsi, syarikat pengesid dan pengantara, Bank Negara Malaysia dan syarikat-syarikat sekutu insurans dan takaful tempatan di atas sokongan, kepercayaan, kerjasama dan sumbangan berterusan.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan kepada semua pemegang saham Syarikat yang lain di atas sokongan, panduan tidak ternilai dan paling penting, keyakinan mereka kepada Kumpulan. Saya juga ingin meyakinkan kepada anda semua bahawa Lembaga anda akan terus menggembelng usaha untuk mencipta dan membina nilai pemegang saham.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan Lembaga atas komitmen, sumbangan dan nasihat mereka. Sesungguhnya MNRB amat bertuah kerana mempunyai tokoh-tokoh yang begitu komited untuk berkhidmat di dalam Lembaganya.

Kepada pasukan pengurusan yang diterajui oleh Encik Anuar Mohd Hassan dan semua kakitangan Kumpulan MNRB, saya juga ingin menyampaikan setinggi penghargaan tulus ikhlas atas dedikasi dan kerja keras yang telah anda semua tampilkan untuk meletakkan Kumpulan di mana ia berada pada hari ini. Setelah mengharungi cabaran pada tahun-tahun yang lalu, marilah kita sama-sama menggandakan usaha dan bekerja dengan lebih keras untuk menghadapi cabaran lebih getir pada masa akan datang agar kita dapat merealisasikan cita-cita kita untuk membina sebuah Kumpulan yang dihormati yang menjadi kebanggaan pemegang kepentingan kita.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

Sharkawi Alis
Pengerusi

30 Julai 2009